

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 3/1971.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.

Pendaftar 'document-document' selain daripada  
Surat-suratcara (dealings)- Seksyen 292 Kanun Tanah Negara.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan mengedarkan satu pekeliling dalam masa yang tidak berapa lama lagi berkenaan dengan tindakan mendaftar 'document-document'. Pada masa ini bagaimana yang tuan sendiri maklum buku 'Presentation' digunakan untuk mendaftarkan kesemua 'dealing-dealing' dan 'document-document' yang dimaksudkan ialah seperti:-

- (a) Mana-mana 'Caveat';
- (b) Mana-mana perintah (Oder) Mahkamah Tinggi;
- (c) Mana-mana perintah (Oder) Pemungut Hasil Tanah.

2. Apabila sahaja tuan menerima Pekeliling itu tindakan sertamerta hendaklah dijalankan. Oleh itu mana-mana Pejabat yang tiada buku 'presentation' yang kosong, hendaklah membuat pesanan baginya. Ini bermakna Pejabat Pendaftaran akan menggunakan 2 buku - yakni satu buku 'Presentation' diikhaskan bagi mendaftar semua 'dealing' di bawah seksyen 292 Kanun Tanah Negara dan yang satu lagi bagi mencatatkan 'document' lain seperti para 1 di atas.

3. Cara-cara mengisi buku yang kedua itu akan dijelaskan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang akan dikeluarkan itu. Walau pun begitu, cara ini adalah sangat baik kerana dapat mengelakan daripada ketinggalan mendaftarkan mana-mana "Caveat" atau 'Order'.

t.t.  
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)  
 Pengarah Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil.(9) dlm.P.T.&.G.TR.85A/66 Jil.2.

s.k.  
 Yang Berhormat,  
 Setiausaha Kerajaan,  
 Terengganu.

Settlement Collector,  
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 5hb. Jun, 1971.